KUMPULAN CERPEN

Adam

AMIL JAYA

Adam kumpulan cerp
SAB00014880
PUSAT DOKUMENTASI MELAYU
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

KUMPULAN CERPEN

Adam

AMIL JAYA

PERPUSTAKAAN DBP
Cawangan, Sabah.
No. Kelas: 899.2333 Ami
No. Perolehan: 0242178
Tarikh: 16/4/8 T.T

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2008

Cetakan Pertama 2008
© Ismail Abbas 2008

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Amil Jaya, 4d 1939-
Adam: Kumpulan Cerpen / Amil Jaya.
ISBN 978-983-62-9818-8
1. Short stories, Malay. 1.Judul.
899.2333

Dicetak oleh
Dawama Sdn. Bhd.
Kompleks Dawama
Lot 1037, Jalan AU3/1
54200 Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan

KANDUNGAN

1.	Adam	1
2.	Aku Setuju	9
3.	Bakakuk	21
4.	Berani Itu Rahmat	40
5.	Bidadari	51
6.	Cangkul Cap Buaya	58
7.	Cabaran Membawa Padah	73
8.	Fitnah	84
9.	Hantu Bangkit	94
10.	Ini Hakmu	107
11.	Insaf Itu Mulia	116
12.	Kopiahku Maruahku	127
13.	Lalang	137
14.	Maduku Datukku	162
15.	Nenekku Jagoan	182
16.	Norhayati II	198
17.	Senapang Ayah	211
18.	Ulama	227
Glosari		237

Adam

"NAMAMU siapa?" Adam bertanya pada orang yang duduk di sampingnya sebaik sahaja dia mempersilakan orang itu duduk di sisinya.

"Saya tidak tahu siapa saya. Namun, saya seorang wanita," jawab orang yang duduk di sisinya itu.

"Kalau begitu saya namai dirimu Hawa, orang yang saya rindui," beritahu Adam.

Sejak hari itu, kesunyian dan kesepian Adam terubat. Sedih dan dukanya telah bertukar men-

jadi gembira. Rasa sunyi dan sepinya turut menjadi semarak dan riang. Mereka hidup riang, aman bahagia dan tenteram.

Dalam kehidupan yang aman, riang, dan gembira serta bahagia itu, Adam diberi peringatan oleh Allah subhanahuwataala, firmannya "Wahai Adam, hidup dan tinggallah engkau dan isterimu di syurga ini. Makan dan minumlah sepuas hati kalian. Namun, kalian hendaklah waspada terhadap iblis. Iblis mahu menggoda kalian supaya menjadi sepertinya ingkar terhadap perintah-Ku. Pesan-Ku, kalian jangan memakan buah dari pohon ini. Buah-buahan lain kalian boleh makan kecuali buah ini."

Adam dan Hawa berjanji tidak akan memakan buah khuldi yang dilarang oleh firman Allah itu.

"Dan ingatlah bahawa iblis itu adalah musuhmu dan musuh isterimu. Jangan sekali-kali terpedaya oleh tipu dan muslihatnya. Iblis itu akan selalu menggoda kalian berdua. Dia akan selalu menggoda kalian sehingga kalian terusir dari syurga ini, dan sehingga kalian hidup sengsara. Di syurga ini kalian akan sentiasa hidup bahagia, tidak menderita lapar dan susah."

Jauh di dalam hatinya, Adam dan Hawa berjanji akan berwaspada dan beringat-ingat terhadap godaan dan hasutan iblis.

Pada satu hari, iblis telah dapat meloloskan

dirinya di syurga untuk bertemu Adam dan Hawa yang sedang menikmati kegembiraan.

"Wahai Adam! Aku datang ini memberikan nasihat kepada engkau, mahukah kalian aku tunjukkan, di sana itu ada sepohon pokok yang sedang ranum dan lazat rasa buahnya. Makanlah buah itu. Kalau kalian memakannya, kalian akan kekal tinggal di dalam syurga ini selama-lamanya, dan syurga ini akan dapat engkau miliki sebagai satu kerajaan yang tidak akan rosak selama-lamanya."

"Buah apakah yang anda maksudkan itu," Adam bertanya kepada iblis.

"Buah dari pokok itu," iblis menunjukkan telunjuknya ke arah pokok khuldi yang sedang berbuah lebat dan ranum.

Melihat pokok yang ditunjukkan itu, tahulah dia bahawa makhluk yang berdiri di sisinya itu adalah iblis yang datang untuk menguji keimanannya dan mahu menggoda dan menyesatkannya. Tanpa kata-kata dia berpaling dan melangkah meninggalkan iblis itu.

Pada suatu ketika yang lain iblis yang tidak mengenal putus asa itu menemuinya sekali lagi. Hawa, isteri Adam ada bersama-samanya. Iblis berkata, "Larangan Tuhan kepada kalian memakan buah khuldi itu dimaksudkan jika kalian adalah malaikat, kalian sendiri tahu bahawa kalian bukanlah malaikat, jadi kalian berdua tidak terlarang

memakan buah yang amat enak dan lemak manis rasanya itu." Iblis memujuk Adam dan Hawa. Adam dan Hawa tidak termakan dengan pujukan iblis itu. Mereka berpaling dan beredar menjauhkan diri daripada iblis.

Sifatnya sebagai makhluk yang ingkar kepada perintah Allah. Ketika diusir dari syurga dahulu, dia telah menyematkan di dalam hati untuk membalas dendam dan telah bersumpah di hadapan Allah bahawa dia dan keturunannya akan berusaha untuk menyesatkan kehidupan Adam dan keturunannya. Apabila dia merasakan gagal dalam usaha pertamanya, dia akan terus mencuba sehingga berjaya.

Iblis sentiasa memerhati Adam dan Hawa. Apabila mereka leka dengan kenikmatan dan kemewahan di syurga, pada masa itulah iblis akan mencucuk jarumnya.

"Makanlah buah ini, demi Allah aku ini bukan mahu memujuk dan menyesatkan kalian, aku cuma mahu memberikan nasihat yang baik agar kalian dapat menetap di syurga ini untuk selamalamanya. Makanlah buah ini, makanlah buah ini," iblis merayu.

Mendengar iblis telah bersumpah dengan nama Allah, Adam dan Hawa mula berfikir, "Orang yang bersumpah dengan menyebut nama Allah tentu tidak akan berbohong. Mereka ragu-

ragu. Semasa ragu-ragu itulah iblis telah menghulurkan buah khuldi kepada Adam dan Hawa. Mereka terlupa kepada larangan Allah setelah melihat keranuman dan keharuman buah khuldi itu. Mereka mula tertarik dengan pujukan iblis dan melupakan larangan Allah. Buah tersebut diambil dan dimakan.

Setelah dikunyah lumat, buah khuldi itu mereka telan. Setelah buah khuldi itu masuk ke dalam rongga dan perut mereka, pada masa itu berlakulah sesuatu yang tidak diduga oleh Adam dan Hawa. Pakaian yang menutup aurat mereka telah lenyap. Mereka berbogel. Tiada seurat benang pun menutupi tubuh mereka. Mereka merasakan cukup malu. Mereka berlari dan menyembunyikan diri supaya tidak dilihat oleh Allah. Kedua-duanya telah memetik dua helai daun kayu yang terdapat di syurga untuk menutup aurat mereka.

"Wahai Adam! Apakah kalian mahu lari daripada-Ku," Allah berfirman.

"Bukan kami mahu lari daripada-Mu Ya Allah, tetapi kami malu dan takut kepada Engkau."

"Bukankah Aku sudah melarang kalian memakan buah itu, dan Aku peringatkan pula bahawa iblis itu ialah musuh kalian yang nyata. Kenapakah kalian berdua makan juga buah yang Aku larang?"

Mendengar firman Allah itu Adam dan Hawa